

Bertemakan Malaysia Bebas, Sepadu dan Maju

29/30

PM lancar manifesto BN

Oleh AZNAN BAKAR 22 NOV 1999
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 21 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) dengan tekad untuk terus mengekalkan kebebasan dan kedaulatan negara.

Manifesto bertemakan "Malaysia Bebas, Sepadu, Maju" itu mengimbas kejayaan yang dicapai oleh rakyat dan negara hasil perjuangan gabungan itu sepanjang 42 tahun merdeka.

Ia turut menampilkan komitmen BN untuk membangunkan negara demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Manifesto BN, yang menurut Dr. Mahathir mudah difahami, tidak seperti manifesto pembangkang yang berbelit-belit dengan tafsiran pelbagai, mengajak rakyat menghargai konsep kebebasan kerana ia kunci kejayaan negara sebelum ini dan masa depan.

Semasa melancarkannya di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Pengerusi BN itu menegaskan, parti tersebut mahu mengekalkan kebebasan sepenuhnya negara ini, bukan separuh, "bukan hanya merdeka dari segi pentadbiran sahaja tetapi kita mahu bebas dalam semua bidang."

Manifesto BN, tegasnya, merupakan janji yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah dan bukan hanya untuk memancing undi.

● Manifesto penuh BN — Muka 5

"Kita buat manifesto, kita hanya janji benda yang kita boleh buat, kita pilih perkataan yang mudah difahami.

"Kita nak rakyat faham apa yang kita nak buat bukan berbelit-belit, bercakap dengan perkataan tinggi sehingga rakyat tidak faham dan apabila jadi kerajaan, kita boleh kata kita tidak kata itu" (apa yang dijanjikan), katanya di hadapan lebih 1,000 penyokong BN.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Pengarah Pilihan Raya BN, Tan Sri Khalil Yaakob; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar serta kesemua pemimpin komponen BN.

Manifesto setebal 20 muka surat memuatkan koleksi gambar, yang setiap satu membawa imej aktiviti yang dijalankan oleh pemimpin BN dan mencerminkan pelaksanaan pembangunan negara. Turut tertera ialah gambar wira-wira negara yang mencipta rekod dunia.

Tegas Perdana Menteri pencapaian negara kini terlaksana hasil komitmen BN. "Buktinya bukan setahun dua, tetapi sejak merdeka. Kepimpinan BN berpandangan jauh serta Wawasan 2020 menjadi bukti."

■ Lihat muka 4

PM lancar manifesto BN

"Idea-idea baru akan terus diperkenalkan dan dilaksanakan untuk menjadikan bangsa kita cemerlang di kalangan yang terbilang," tegasnya sambil menerima tepukan gemuruh daripada hadirin.

Kebebasan merupakan salah satu teras utama yang diberikan tumpuan oleh BN dalam manifesto untuk pilihan raya umum ke-10 ini.

Selain itu ia merangkumi soal sepadu, ekonomi, agama, politik, sosial dan dasar luar.

Menurut Perdana Menteri, sejak 42 tahun merdeka negara berjaya membebaskan diri daripada cubaan merebut kuasa oleh komunis, cengkaman ideologi atau blok, kongkongan dan pengaruh kuasa besar termasuk Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) serta bebas daripada terdakai kerana hutang luar.

Melalui kebebasan membentuk sistem politik dan ekonominya yang tersendiri Malaysia telah berjaya membebaskan diri daripada serangan penyangak mata wang atau terdakai kerana hutang atau bantuan luar.

Tegas Perdana Menteri, dengan kebebasan yang ada juga, negara ini dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam termasuk yang membabitkan perkauman dengan cara-cara sendiri.

"Negara ini juga bebas untuk mengkritik, membantu kaum dan negara yang tertindas serta menentang penggunaan globalisasi untuk menguasai negara dan segala bentuk penjajahan moden," katanya.

Manifesto BN turut merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan dan mandat yang diberikan oleh rakyat kepada BN menerajui dan membangunkan tanah air.

Ia turut mengetengahkan kejayaan formula BN dalam menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini.

"Bermula dengan usaha mengetepikan bibit-bibit perpecahan melalui dasar-dasar penyusunan semula masyarakat, seterusnya BN berjaya mengagih kekayaan secara adil dan saksama di samping memberi kebebasan berpolitik kepada semua rakyat," kata Perdana Menteri.

Dalam menyelesaikan masalah hubungan kaum, BN, katanya, mengutamakan rundingan serta menghapuskan politik perkauman dan menggantikannya dengan pakatan antara parti-parti yang mewakili kaum.

Ini termasuk memberi kebebasan mempelajari bahasa sendiri di samping penguasaan bahasa kebangsaan.

Undang-undang pula dikuatkuasakan tanpa memilih bulu atau pangkat serta menggalakkan sukan dan populariti jaguh-jaguh sukan tanpa mengira kaum dan menerusi ini "perpaduan kaum dapat dipereratkan."

Manifesto itu turut mengetengahkan kejayaan negara dalam bidang ekonomi terutama keupayaan kerajaan BN mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di antara negara-negara membangun sebanyak purata 7 peratus selama tiga dekad.

Kini rizab asing negara meningkat sepanjang masa dengan ekonomi dan kewangan kukuh tanpa bantuan asing sebaliknya hasil pendekatan sendiri.

Sementara penyertaan bumiputera terdapat dalam semua bidang perniagaan dan perusahaan di semua peringkat serta mampu mencipta dan berjaya melaksanakan dasar agihan kekayaan antara kaum.

Dalam bidang agama, kata Perdana Menteri, Islam diterima sebagai agama rasmi negara dan terus dimajukan sehingga Malaysia diiktiraf oleh dunia Islam sebagai negara contoh.

Kerajaan BN juga berjaya meningkatkan pengurusan jemaah dan ibadat haji yang tersusun dan tertib, memperkenalkan sistem perbankan dan insurans Islam serta memajukan pendidikan Islam sehingga ke peringkat universiti.

Dalam aspek sosial kualiti hidup setiap lapisan rakyat ditingkatkan melalui program membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum termasuk menentukan segala keperluan hidup seperti makanan, pakaian, perumahan dan pengangkutan menecukupi.

"Di peringkat antarabangsa pula Malaysia kekal dengan bebas dan berkecuali, berbaik dengan semua negara, mempromosikan amalan perkongsian bestari dan memakmurkan jiran," kata Dr. Mahathir.

Pada masa yang sama Malaysia turut menjalin dan memajukan hubungan rapat Selatan-Selatan, menolong dan mempertahankan negara yang tertindas, membantu negara yang lemah serta menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara jiran (ASEAN) dan negara-negara Islam (OIC).